



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan  
Perubahan Iklim  
(Ministry of Energy, Science, Technology, Environment  
and Climate Change)  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor**



4 September 2019  
Notis Pemberitahuan LPTA  
Bil. 03/ 2017 Sem. 1

**KELAYAKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN (PPS) MENGIKUT KATEGORI  
DI BAWAH STANDARD PERSIJILAN PPS**

**TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan berhubung kelayakan PPS yang diambil kerja oleh pemegang lesen hendaklah mengikut kategori di bawah Standard Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS).

**LATAR BELAKANG**

2. Subperaturan 16 (1), Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46] memperuntukkan bahawa pemegang lesen hendaklah mengambil kerja seorang PPS. Berdasarkan Peraturan 3 P.U. (A) 46 ini, "pegawai perlindungan sinaran" ertinya seorang yang berwibawa dari segi teknik yang dilantik oleh pemegang lesen dan diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan untuk menyelia pemakaian peraturan-peraturan, langkah dan tatacara perlindungan sinaran yang bersesuaian.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan PPS adalah berwibawa dari segi teknik, salah satu keperluan yang perlu dipatuhi adalah menghadiri Kursus Persijilan PPS dan hendaklah lulus Peperiksaan Persijilan PPS sebelum diluluskan oleh LPTA untuk dilantik sebagai PPS.

4. Sebelum ini, persijilan PPS adalah berdasarkan aktiviti, iaitu Tolakan, Penjualan, NORM/ TENORM, Radiografi Industri, Pemprosesan Sinaran dan Penyelidikan dan Pengajaran. Walau bagaimanapun, Standard Persijilan PPS yang baharu<sup>1</sup> telah menetapkan persijilan PPS berdasarkan kategori dan bidang seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1: Pengkategorian bagi Persijilan PPS Bidang Industri**

Kategori PPS	Perincian Bidang Industri
1	PPS bagi pemegang lesen yang menjalankan aktiviti di bawah Kategori 1 bidang industri seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- sel penyinaran</li> <li>- sel penyinaran darah</li> <li>- <i>generator termoelektrik radioisotop (RTG)</i></li> <li>- teleterapi</li> </ul>
2	PPS bagi pemegang lesen yang menjalankan aktiviti di bawah Kategori 2 bidang industri seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- radiografi industri melibatkan punca gama</li> <li>- radiografi industri melibatkan radas penyinaran</li> <li>- brakiterapi</li> </ul>
3	PPS bagi pemegang lesen yang menjalankan aktiviti di bawah Kategori 3 bidang industri seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- tolok industri dengan punca radioaktif</li> <li>- tolok industri menggunakan radas penyinaran</li> <li>- tolok pengelongan lubang gerek</li> <li>- NORM/ TENORM</li> <li>- peranti penangkap elektron</li> <li>- pemecut zarah</li> </ul>

<sup>1</sup> Rujuk LEM/TEK/44 (Bahagian A): Standard Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran

## ARAHAN LPTA

5. Setiap pemegang lesen yang menjalankan aktiviti dengan perincian bidang seperti di **Jadual 1**, kelayakan PPS yang dilantik hendaklah merujuk kepada kategori PPS bagi bidang yang berkenaan. Setiap kategori yang ditetapkan adalah spesifik kepada aktiviti yang tersebut sahaja<sup>2</sup>.

6. Walau apapun arahan pada Perkara 5, kelayakan PPS untuk pemegang lesen yang menjalankan **aktiviti penjualan dan perdagangan** melibatkan:

- i) radas penyinaran bagi aktiviti radiografi industri adalah sekurang-kurangnya lulus Peperiksaan Persijilan PPS Kategori 3; dan
- ii) kedua-dua, teleterapi **dan** brakiterapi adalah lulus Peperiksaan Persijilan PPS Kategori 1.

7. Manakala PPS sedia ada yang telah lulus Peperiksaan Persijilan PPS mengikut aktiviti, kelayakan tersebut masih diterimapakai dengan syarat ia adalah setara dengan aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen.

## PENGUATKUASAAN ARAHAN

8. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

## PENUTUP

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan LPTA menggunakan alamat di bawah.

---

<sup>2</sup> LPTA telah menetapkan bahawa seseorang PPS yang telah diiktiraf oleh LPTA bagi sesuatu kategori tertentu tidak dibenarkan untuk menjadi PPS bagi kategori yang lain kecuali setelah:

- a) menghadiri latihan kategori (2 hari); dan
- b) menduduki dan lulus peperiksaan bagi kategori tersebut.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,  
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim,  
Batu 24, Jalan Dengkil,  
43800 Dengkil, Selangor  
No. Tel: +603 – 8922 5888  
No. Faks: +603 – 8922 3685  
E-mel : [mnr-customer@aelb.gov.my](mailto:mnr-customer@aelb.gov.my)  
Laman Web: [www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my)